

DATE: 26/6/2010

Para pendakwah jangan terpengaruh fahaman ekstrem dalam jalankan tugas Rujuk al-Quran, hadis - Tun Mahathir

Oleh MARZITA ABDULLAH
pengarang@utusan.com.my

KANGAR 25 Jun - Pendakwah Islam diingatkan jangan terpengaruh dengan pendapat dan fahaman ekstrem yang tidak berasaskan ajaran agama suci itu dalam menyebarkan dakwah.

Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim), Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan mereka perlu mendapatkan pengetahuan yang mencukupi dengan merujuk al-Quran dan hadis sahih dalam melaksanakan tanggungjawab itu.

“Pendakwah mestilah mempunyai pengetahuan luas tentang Islam kerana kadang-kadang kita mungkin merasakan sudah mempunyai ilmu yang mencukupi tetapi pengetahuan kita ini dipengaruhi oleh banyak faktor lain sekali gus wujud perbezaan fahaman.

“Banyak negara Islam yang tidak aman kerana banyak fahaman ekstrem dan ajaran yang disebarkan oleh pendakwah tidak se-cocok dengan ajaran sebenar,” ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Perkim Kebangsaan kali ke-49 di sini hari ini yang turut dihadiri oleh Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu dan Setiausaha Kehormat Perkim, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman.

Dr. Mahathir menegaskan, Islam tidak boleh dijadikan lebih keras hanya kerana mereka yang memerintah mempunyai lebih kuasa atau sewenang-wenangnya melabelkan seseorang itu tidak Islam hanya kerana tidak sependapat.

“Sesungguhnya Islam adalah agama yang tidak keterlaluan, tidak keras dan tidak kejam serta mengutamakan keadilan lebih daripada aspek lain kerana Islam adalah cara hidup.

“Hanya kerana ada perbezaan pendapat

yang sedikit tidak bermakna masing-masing sudah tidak Islam,” katanya.

Beliau turut mengingatkan pendakwah agar menjelaskan sifat-sifat mulia dan baik yang dituntut oleh agama Islam:

“Percayalah jika yang dikembangkan sifat-sifat ini dan semua yang dituntut oleh Islam dalam al-Quran maka Islam akan lebih mudah diterima dan diamalkan.

“Keteguhan umat Islam akan tercapai, pandangan buruk terhadap Islam dan orang Islam akan berkurang,” katanya.

Sekali gus kata beliau, masyarakat Islam akan hidup dengan aman, tenteram dan berjaya sekali gus pendakwah juga akan mudah berdakwah setelah masyarakat umum melihat kebenaran ajaran yang disampaikan.

Selain itu, beliau berkata, pandangan dan persepsi bukan Islam dan orang Islam amatlah penting lebih-lebih lagi semasa berdakwah.

“Walaupun mereka tidak akan memeluk agama Islam tetapi kefahaman mereka tentang kebaikan agama Islam sudah memadai untuk kebahagiaan hidup kita,” ujarnya lagi.


Menurutnya, kedudukan umat Islam hari ini amat tertekan dan terhina berpunca daripada kesalahan umat Islam sendiri.

Dalam pada itu, Abdul Hamid berkata, Perkim kini berusaha menggabungkan kira-kira 40,000 guru di seluruh negara untuk melaksanakan pengajaran dan kefahaman al-Quran yang sebenarnya.

“Kita bukan lagi hanya membaca al-Quran tetapi akan memastikan setiap pelajar memahami isi kandungan al-Quran yang dibaca,” katanya.

Menurut Abdul Hamid, pendekatan tersebut dicadangkan oleh Dr. Mahathir bagi memastikan al-Quran menjadi sumber ilmu dan maklumat sejagat.

UM - 26/06/2010



TUN Dr. Mahathir Mohamad menerima replika cek daripada Pengerusi Yayasan Pok Dan Kassim, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim sambil diperhatikan oleh Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Md Isa Sabu (kanan) selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Kebangsaan Ke-49 di Kangar semalam.